



DIMANAKAH SUSPEK DITEMPATKAN?

- ➔ Suspek akan ditempatkan di lokap polis untuk siasatan dijalankan.

BOLEHKAH SUSPEK DIJAMIN?

- ➔ Boleh diberikan jaminan polis setelah tempoh reman tamat atau tidak dilanjutkan.

SEKIRANYA SUSPEK ADALAH DIBAWAH UMUR, ADAKAH AKAN DIREMAN JUGA?

- ➔ Ya, suspek yang dibawah umur juga boleh ditahan reman.

APAKAH YANG BERLAKU SELEPAS PROSIDING REMAN TAMAT?

- ➔ Suspek sama ada:
 - (i) terus dituduh di Mahkamah; atau
 - (ii) diberi jamin polis menantikan siasatan lengkap / arahan Timbalan Pendakwaraya; atau
 - (iii) dibebaskan.



www.kehakiman.gov.my

REMAN UNTUK SIASATAN DI BAWAH SEKSYEN 117 KANUN TATACARA JENAYAH



Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat dan Hubungan Antarabangsa,
Mahkamah Persekutuan Malaysia, Arah 2, Faseti 3, Istana Kehakiman,
62506 Putrajaya, Malaysia.
Tel: 603-8980 3500 Faks: 603 - 8980 4017
info@kehakiman.gov.my
Perniliah ini boleh dimuat turun dari laman sesawang www.kehakiman.gov.my

APA ITU REMAN?

➔ Reman adalah proses penahanan sementara suspek untuk siasatan awal pihak polis / lain-lain agensi penguatkuasa jika terdapat report atau aduan tentang kesalahan jenayah yang dilakukan oleh suspek.

BOLEHKAH SESEORANG YANG DIREMAN DIWAKILI PEGUAM?

➔ Boleh.

APAKAH PERUNTUKAN DI BAWAH SEKSYEN 117 KANUN TATACARA JENAYAH?

➔ **117. Prosedur jika penyiasatan tidak boleh diselesaikan dalam tempoh dua puluh empat jam.**

(1)Apabila seseorang ditangkap dan ditahan dalam kurungan, dan nampaknya penyiasatan tidak dapat dihabiskan dalam tempoh 24 jam sebagaimana yang ditetapkan oleh seksyen 28, dan ada sebab-sebab untuk mempercayai bahawa tuduhan atau maklumat itu adalah berasas, maka hendaklah

pegawai polis yang menjalankan penyiasatan itu dengan segera menghantarkan satu salinan catatan harian yang ditetapkan kemudian kelak mengenai kes itu dan bersama-sama itu juga hendaklah menghantarkan orang yang tertuduh itu di hadapan Majistret itu.

(2)Apabila mana-mana Majistret di hadapannya orang yang tertuduh itu dibawa di bawah seksyen ini, sama ada mempunyai bidangkuasa ataupun tidak untuk membicarakan kes itu bolehlah ia dari masa ke semasa memberi kuasa untuk menahankan orang yang dituduh itu di dalam mana-mana tahanan yang Majistret itu fikirkan patut untuk tidak lebih daripada lima belas hari pada keseluruhannya. Jika ia tidak berkuasa membicarakan kes itu dan berpendapat bahawa tiada faedah ditahan orang yang dituduh itu, maka hendaklah ia menyuruh hantarkannya ke hadapan Majistret yang berkuasa membicarakan yang dituduh itu, atau, jikalau kes hanya boleh dibicarakan di Mahkamah Tinggi, di hadapannya atau Majistret yang lain yang berkuasa

membicarakannya dengan tujuan komital untuk dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi.

(3)Seorang Majistret yang memberi kuasa di bawah seksyen ini bagi menahan mana-mana orang di dalam tahanan polis, hendaklah merekod sebab-sebab yang ia berbuat demikian.

BERAPA LAMAKAH SESEORANG BOLEH DITAHAN REMAN?

- ➔ Kanun Tatacara Jenayah menggariskan tempoh maksimum penahanan suspek.
- ➔ Untuk kesalahan jenayah yang hukuman penjaranya adalah kurang dari 14 tahun, suspek boleh ditahan reman selama 4 hari (bagi permohonan pertama) dan 3 hari (bagi permohonan kedua).
- ➔ Untuk kesalahan yang hukumannya adalah hukuman gantung sampai mati atau penjaranya adalah lebih daripada 14 tahun, suspek itu boleh ditahan reman selama 7 hari (bagi permohonan pertama) dan 7 hari (bagi permohonan kedua).